

HARIAN METRO

■ Pelajar hidap penyakit asma kronik diizinkan terus pengajian sampai habis



DR Yuserrie (kiri) bersama Juliza melihat laporan muka depan akhbar Harian Metro, semalam.

Ainal Marhaton Abd Ghani
am@hmetro.com.my

Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) tetap memberi peluang kepada pelajarnya yang juga pesakit asma kronik, Juliza Ameruddin, 31, untuk menyambung pengajiannya yang tertangguh sejak enam tahun lalu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumennya, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, peluang itu diberikan kerana universiti sudah dimaklumkan mengenai penyakit yang dialaminya dan tidak berhasrat menyekatnya untuk te-

ruskan pengajian.

Menurutnya, pihak universiti juga tidak memberi sebarang tekanan dalam urusan pembelajarannya walaupun masih banyak subjek yang perlu dihabiskan.

"Kita akan bantu dia dari semasa ke semasa sama ada dari segi rawatan kesihatan, perubahan dan kewangan," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui sewaktu melawat Juliza di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini, semalam.

Dr Yuserrie berkata demi-

kian ketika diminta mengulas laporan berkaitan Juliza yang menangguhkan pengajiannya selama enam tahun kerana menghidap asma kronik seperti disiarkan di muka depan akhbar ini, semalam

Menurutnya, universiti tetap menyimpan rekod pelajar Juliza dan sentiasa mengikuti perkembangan pelajar itu bermula kemasukan pada 2009.

"Dalam kes Juliza, kita dapat dia sudah lama menangguhkan pengajiannya kerana

masalah kesihatan tetapi kita tidak pernah menyekat hasratnya jika mahu sambung belajar.

"Pihak universiti memahami keadaannya dan selepas mengadakan perbincangan, Juliza sedia untuk menyambung pengajian dengan bantuan daripada beberapa pihak lain seperti Baitulmal Wilayah Persekutuan dan

universiti sendiri," katanya.

Dr Yuserrie berkata, terdahulu pada 2013 UMP menanggung kos rawatan Juliza berjumlah RM25,710, kos belian peralatan berjumlah RM20,500 manakala bil yang tidak ditanggung oleh universiti berkenaan dipanjangkan pemohonannya kepada Baitulmal Wilayah Persekutuan.

Dr Yuserrie berkata, Juliza diletakkan di bawah pengawasan seorang kakitangan UMP dan semua perkara berkaitan pelajar itu akan dimaklumkan kepada beliau untuk tindakan lanjut.

"Juliza pernah mendaftar semula pada sesi pertama 2014/2015, tetapi bertahan hanya seminggu kerana masalah kesihatan yang sama selain perlu membawa mesin bantuan oksigen mu-

dah alih bersaiz besar yang tidak mampu dibawanya sepanjang masa.

"Kita benarkan dia tangguhkan pengajiannya kerana masalah yang dihadapinya dan berharap dia mampu

meneruskan perjuangan bermula semester ini sehingga tamat pengajian," katanya.

Juliza yang juga anak sulung daripada lima beradik kini menyambung pengajian yang berbaki tiga semester di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik dan Multimedia) UMP selepas mendaftar pada 4 September lalu.

Sebelum ini, Juliza hanya sempat mengikuti pengajian selama tiga semester bermula 2009 dan menangguhkannya ketika di semester dua 2010/2011 kerana menghidap asma kronik dikenali 'Brittle Bronchial Asthma' dan 'Osteopenia Secondary' dan perlu mendapatkan rawatan lanjut di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Juliza dikesan menghidap lelah ketika mengikuti program Diploma Multimedia di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada 2008.

Sehingga berita ini ditulis, Juliza dirawat di HTAA sejak Jumaat lalu kerana mengalami masalah sesak nafas ketika mengemasi biliknya di Kolej Kediaman Ketiga UMP Kampus Gambang.

UMP tak sekat

FAKTA
UMP bantu dari segi rawatan kesihatan, perubahan dan kewangan